

20/04/2004

Kami terpikat budaya Melayu: Prof Zong

By Salbiah Ani

PROF WU Zong Yu, Pengarah Pusat Pengajian Melayu China, Beijing Foreign Studies University (BFSU), China, antara tokoh yang berpengalaman luas dalam mengajar bahasa Melayu di Tanah Besar itu. Ikuti wawancara wartawan Sastera dan Budaya, SALBIAH ANI, dengan beliau ketika mengetuai rombongan pelajar BFSU yang mengadakan Lawatan Sambil Belajar Persahabatan Malaysia-China ke Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sejak bila Kursi Pengajian Melayu diperkenalkan di BFSU?

Kursi ini diperkenalkan sejak 1997 ketika Datuk Seri Najib Tun Razak berkhidmat sebagai Menteri Pendidikan.

Sudah ada berapa universiti yang menawarkan Bahasa Melayu di China?

Pengajaran Bahasa Melayu bermula di BFSU tetapi kini sudah ada dua institusi lagi yang menawarkan kursus sedemikian kepada pelajar mereka iaitu Institut Penyiaran Beijing dan Institut Bahasa Asing Luo Yang.

Nampaknya Bahasa Melayu mendapat perhatian daripada pelajar China.

Mengapa?

Sebenarnya minat terhadap Bahasa Melayu dapat berkembang di China kerana Malaysia mempunyai hubungan baik dengan negara kami sejak lebih 30 tahun lalu. Hubungan baik antara kedua-dua negara yang bertambah erat mendorong dan meningkatkan minat rakyat China untuk mendalami Bahasa Melayu yang memungkinkan mereka turut menyelami aspek budaya.

Berapa ramai pelajar BFSU yang mengambil kursus bahasa Melayu?

Seramai 45 pelajar peringkat sarjana muda mengambil kursus Bahasa Melayu dan mereka mendapat pendedahan sekurang-kurangnya 12 jam seminggu bagi memahirkan dan memungkinkan mereka menguasai bahasa terbabit. Kami menggunakan khidmat tiga pengajar dari China dan seorang pakar bahasa Melayu dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Kami sangat mengharapkan bantuan daripada DBP dan sehingga kini 200 pelajar lulus daripada kursus ini.

Masalah yang sering dihadapi dalam pengajaran?

Interaksi. Kami sedar interaksi dapat membantu kami meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dan kerana itu mencipta suasana agar Beijing selalu dikelilingi budaya Melayu. Kami sangat bernasib baik kerana mempunyai hubungan yang rapat dengan Kedutaan Malaysia di Beijing dan sering menjemput kami untuk mengadakan persembahan.

Pernahkah pelajar Kursus Bahasa Melayu BFSU menunjukkan `kepakaran' mereka di mana-mana?

Kami kerap dijemput ke Kedutaan Malaysia di Beijing apabila ada pemimpin yang datang berkunjung ke China dan kami turut mengadakan persembahan kebudayaan. Interaksi sedemikian memungkinkan kami mengetahui adat susila orang Melayu.

Bantuan bagaimana BFSU harapkan daripada Malaysia dan negara Nusantara lain?

Kami memerlukan galakkan yang memungkinkan kami untuk berdialog dalam bahasa Melayu. Kami memang menanti-nantikan rombongan yang membawa budaya Melayu dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pernah mengadakan kunjungan sedemikian. Kami berpeluang melihat bagaimana kompang dimainkan dan menikmati keindahan baju Melayu. Kami juga mengharapkan bantuan dalam bentuk buku sekalipun kami ada membelinya sendiri dan pernah menerima sumbangan sedemikian daripada DBP.

DBP banyak membantu dan melancarkan tugas kami dalam memperkenalkan Kursi Pengajian Melayu di sini.

Selain daripada itu, apa lagi bentuk bantuan yang diperlukan?

Akhbar Berita Harian boleh membantu kami dengan membuat promosi kepada masyarakat Melayu di Malaysia untuk datang melabur di China kerana kami mempunyai prasarana. Sudah ada sejumlah ahli perniagaan Malaysia berketurunan Cina yang melabur di China. Kami mempunyai masjid dan restoran yang menjual makanan halal. Mereka bersedia membantu ahli perniagaan Melayu terutamanya dalam bidang industri kecil dan sederhana (IKS). Sekiranya ada pihak yang berminat boleh berhubung dengan BFSU. Kami ada tenaga pengajar dan pelajar yang boleh menjadi jurubahasa. Kami melihat Malaysia sebaik negara baik dengan ekonomi dan politik yang stabil. Kami sanjung situasi ini. Tradisi rumah terbuka yang diamalkan Perdana Menteri Malaysia sempena perayaan menunjukkan betapa stabilnya Malaysia. China tidak mungkin mengamalkan tradisi ini. Amerika Syarikat yang mengamalkan demokrasi juga tidak mungkin membenarkan rakyat biasa berkunjung ke rumah Presiden.

Mengapa ahli perniagaan Malaysia perlu melabur di China?

Ekonomi China menarik perhatian dunia dan ramai yang mencari peluang untuk ke China. Ahli perniagaan Melayu dalam IKS Malaysia sewajarnya melihat peluang ini. Kami mempunyai 20 juta penduduk Muslim dan ada 10 etnik beragama Islam di China. Mereka mempunyai kawasan autonomi, Ningxia, saiznya dari segi kawasan lebih besar daripada Malaysia. Beijing yang mempunyai 200,000 penduduk Muslim mempunyai ratusan masjid.

Pernakah China atau BFSU menerbitkan sebarang karya mengenai Malaysia?

Kami sudah melakukan terjemahan pidato ucapan bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad, ke bahasa Mandarin dan upacara pelancaran buku berkenaan, 'Pilihan Pidato Dr Mahathir' yang diterbitkan pada 1999 dalam usaha mempromosi hubungan 25 tahun China-Malaysia 2. Menteri Luar Malaysia ketika itu datang ke China bagi merasmikan buku kebenaran.

Pernakah teks sastera moden pengarang Malaysia diterbitkan dalam bahasa Mandarin?

Pernah iaitu Kumpulan Cerita Rakyat Malaysia. Sebenarnya kami selalu menulis makalah memperkenalkan budaya Malaysia. DBP juga akan menerbitkan buku perbandingan ajaran Islam dan Konfusius. Saya terbabit dalam penterjemahan versi Mandarin dan Melayu, sajak penyair dan juga sahabat baik saya, Sasterawan Negara (SN), Allahyarham Datuk (Dr) Usman Awang dan Pengerusi Persahabatan rakyat China dengan Luar Negara, Chen Haosu, yang juga penyair tersohor negara kami. DBP dalam proses menerbitkan buku ini. Pelancarannya dijadualkan pada Mei ini di Beijing.

Bahasa, sastera atau budaya Melayu yang paling menarik perhatian pelajar BFSU?

Sebenarnya sebahagian besar daripada kami lebih terpicat kepada budaya Melayu. Dalam kunjungan ke Malaysia ini, kami sempat menonton mak yong sekalipun tidak memahami dialog yang diucapkan tetapi amat menghargainya.

Berapa ramai pelajar yang mengikuti rombongan ke Malaysia kali ini?

Seramai 31 pelajar tahun satu hingga tiga BFSU menyertai Lawatan Sambil Belajar Persahabatan Malaysia-China yang memperkenalkan adat resam dan budaya Melayu atas undangan DBP.

(END)